



Kepada : Ketua Pusat Tanggungjawab seperti di **Lampiran A**

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM2/519/261/Jld. 8 (20)

Tarikh : 3 Disember 2020
17 Rabiul Akhir 1422H

Langkah Penjimatan Terhadap Tuntutan Elaun Kerja Lebih Masa (EKLM) Tahun 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan/puan, perbelanjaan elaun kerja lebih masa (EKLM) merupakan salah satu elemen yang besar dalam perbelanjaan emolumen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Daripada kajian yang dilakukan, jabatan ini mendapat *trend* perbelanjaan EKLM ini adalah meningkat saban tahun sepeitimana yang disenaraikan di bawah:

TAHUN	AMAUN EKLM (RM)
2016	2,923,749.13
2017	3,174,222.03
2018	3,579,959.59
2019	3,729,472.84

3. Memandangkan ekonomi negara sedang melalui saat-saat sukar pada ketika ini akibat penularan wabak COVID-19, jabatan ini telah memutuskan untuk melaksanakan langkah penjimatan terhadap tuntutan EKLM ini iaitu dengan menetapkan *capping* perbelanjaan kepada hanya RM2 juta setahun bagi tahun 2021. Dengan penetapan *capping* ini, peruntukan EKLM bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) juga adalah dihadkan sepeitimana yang disenaraikan pada **Lampiran 1**.

4. Justeru itu, semua PTj disaran supaya menyahut seruan jabatan ini dengan meningkatkan lagi kawalan terhadap tuntutan EKLM dan memastikan pengurusannya di peringkat PTj dilakukan dengan sebaiknya agar perbelanjaan yang dibuat tidak melebihi peruntukan yang akan diberikan kelak. Turut diingatkan juga bahawa tiada tambahan bajet akan diberikan sekiranya tuntutan EKLM PTj melebihi peruntukan yang diberikan.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN. HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)